



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 7 : BIL : 13.

RABU, 4 JULY 1962 (2 Safar, 1382).

PERCHUMA

UPACHARA2 PEMBUKAAN RASMI BULAN BAHASA DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Tidak kurang daripada 5,000 orang dari berbagai2 bangsa, lelaki dan perempuan serta kanak2 sekolah telah membanjiri Padang Besar di-sini pada petang hari Ithnin yang lalu untuk mengambil bahagian dalam upacara pembukaan rasmi Bulan Bahasa Kebangsaan bagi Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Brunei merangkap Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei telah mengisytiharkan pembukaan rasmi upacara tersebut.

Upacara itu di-mulai dengan ucapan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Inche Abdul Ghani bin Hassan sa-laku Pengerusi. Bulan Bahasa Kebangsaan, Daerah Brunei dan Muara.

Kemudian Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar telah memberi ucapan di-turuti dengan ucapan oleh Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, Yang Berhormat Inche Malcolm MacInnes.

Sa-lepas itu ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Wakil Kaum China, Inche Lim Boon Koon; Wakil Kaum India, Inche Maricar dan Wakil Kaum Eropah, Inche R.D. Ross.

Sa-baik sahaja selesai ucapan2 tersebut, Pengerusi upacara tersebut Awangku Tajuddin bin Pengiran Rabaha telah menjemput Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf untuk mengisytiharkan pembukaan rasmi sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan bagi Daerah Brunei dan Muara.

Kemudian murid2 sekolah2 Melayu, China dan Inggeris di-Bandar Brunei telah menyanyikan lagu, "JIWA BANGSA".

Upacara tersebut di-tamatkan dengan upacara menyampaikan hadiah2 kepada pasokan2 yang berjaya dalam peraduan chogan kata. Hadiah2 itu telah di-sampaikan oleh Pengerusi, Bulan Bahasa, Daerah Brunei dan Muara, Inche Abdul Ghani.

RAPAT UMOM DAN PERARAKAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN

BANDAR BRUNEI. — Rapat Umom dan Perarakan Bulan Bahasa Kebangsaan yang di-jadualkan akan di-adakan di-Bandar Brunei pada hari Ithnin 23 July hadapan mulai pukul 9.00 pagi telah di-undorkan ka-pukul 4.00 petang pada hari tersebut.

Demikian telah di-umumkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Rapat Umom dan Perarakan Bulan Bahasa, Yang Berhormat Inche/ Shahbuddin bin Md. Saleh.

Pengundoran masa itu, kata beliau, di-lakukan ia-lah kerana beberapa sebab yang tidak dapat di-elakkan.

Rapat Umom itu akan di-adakan di-hadapan bangunan Pejabat Besar Kerajaan, Bandar Brunei dan akan di-ikuti dengan perarakan.

Achara2 Rapat Umom dan Perarakan itu ia-lah :

Pukul 4.00 petang — Pasokan2
(Lihat Muka 5)

PEMENANG2 PERADUAN CHOGAN KATA

BANDAR BRUNEI. — Keputusan peraduan chogan kata pasokan2 yang mengambil bahagian di-upacara pembukaan rasmi Bulan Bahasa bagi Daerah Brunei dan Muara yang telah di-adakan di-sini ia-lah :

Bahagian Sekolah2 Rendah (Lelaki): 1. Sekolah Inggeris Saint Andrews. 2. Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam- 3. Sekolah China Chung Hwa.

Bahagian Sekolah2 Tinggi (Lelaki): 1. Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin. 2. Maktab Perguruan Melayu Berakas. 3. Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam.

Bahagian Sekolah2 Rendah (Perempuan): 1. Sekolah Raja Isteri Fatimah. 2. Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam. (Hanya dua pasokan sahaja yang mengambil bahagian).

Bahagian Sekolah2 Tinggi (Perempuan): 1. Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam. 2. Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin. 3. Sekolah Menengah Chung Hwa.

Bahagian Pejabat2 Kerajaan dan Kampong: 1. Jabatan Siaran Radio dan Penerangan. 2. Jabatan Rumah Sakit Umom. 3. Kampong Peramu.



PEMBUKAAN RASMI BULAN BAHASA bagi Daerah Brunei dan Muara telah di-empurnakan pada petang hari Ithnin 2 July, 1962 oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Timbalan Setia Usaha Kerajaan merangkap Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei. Dalam gambar di-seluruh kiri kelihatan Y.B. Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf berucap di-upacara tersebut, manakala gambar di-seluruh kanan pula ia-lah satu pemandangan orang ramai dan kanak2 sekolah yang mengambil bahagian di-upacara yang bersejarah itu.

Tiap2 Negara Dalam Dunia Mempunyai Bahasa Kebangsaan-nya Sendiri

— KATA Y. B. TUAN HAJI JAMIL

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Md. Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar menyatakan bahawa tiap2 negara dalam dunia ini ada mempunyai bahasa kebangsaan-nya sendiri dan bahasa itu di-anggap menjadi sa-bagai jiwa kepada bangsa yang menjadi ra'ayat negara itu.

Beliau menegaskan juga bahawa Negeri Brunei mempunyai bahasa yang sa-demikian itu ia-itu bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi negara sa-bagaimana tersebut dalam Perlembagaan.

Ini, telah di-nyatakan dalam satu siaran-nya, khas di-tujukan kepada murid2 di-semua sekolah2 di-Negeri Brunei dalam menghadapi Bulan Bahasa Kebangsaan yang telah di-lancarkan mulai pada 2 July yang lalu.

Tuan Haji Md. Jamil berkata, walau pun murid2 dalam negeri ini terdiri dari berbagai2 kaum, tetapi perkauman itu akan dapat kita satukan dengan melalui saluran yang satu ia-itu menggunakan bahasa kebangsaan yang satu.

Siaran itu sa-lanjut-nya berkata:

"Saya perchai tentu-lah kamu sekalian berasa besar hati dan gembira kerana bahasa kita mempunyai kedudukan yang sama seperti bahasa2 lain juga. Ini, ada-lah satu penghormatan kepada kebangsaan kita.

"Pemberian Tuhan yang sa-demikian ini bukan hanya kita sambut dengan perasaan riang gembira dan sukacita atau chuma menjadi kemegahan kepada kita, tetapi hendak-lah di-pelihara dan di-usahkan supaya bahasa kebangsaan kita menjadi kembang dan biak sa-hingga tersibar di-seluruh tanah aver kita, di-pergunakan sa-bagai bahasa kebangsaan yang sa-jati. Dan juga kita pelajari selok belok-nya dengan sa-dalam2-nya sa-hingga dapat kita menikmati isi kandungan bahasa kebangsaan kita ini.

"Tumpukan-lah perhatian kamu kepada bahasa kebangsaan kita dan gunakan-lah dia dalam masa kamu berchakap antara satu sama lain sa-bagai bahasa perantaraan kamu.

"Pada tahun yang lalu kita telah mengadakan Minggu Bahasa untuk memberi peluang kepada kamu dan penduduk2 negeri ini menunjukan perasaan dan penerimaan yang ikhlas kamu kepada bahasa kebangsaan itu.

"Pada tahun ini kita adakan peluang yang lebih luas lagi dengan mengadakan Bulan Bahasa untuk kamu menunjukan perasaan dan penerimaan yang ikhlas kamu kepada bahasa kebangsaan kita yang lebih luas lagi.

"Saya berharap kamu sekalian menggunakan Bulan Bahasa ini dengan sa-penoh2-nya dan mengikut tujuan maksud Bulan Bahasa ini. Dan saya berharap juga kamu akan sentiasa ingat dan tersemat dalam hati kamu bahawa kamu ada-lah bakal ra'ayat yang akan datang bagi negeri ini, yang akan bersungoh2 menjalankan kerja2 untuk menyatu-padukan

seluruh ra'ayat negeri ini.

"Usaha untuk mengembangkan pelajaran bahasa Melayu di-sekolah2 Inggeris, China dan Misi dari satu masa ka-satu masa sentiasa bertambah2 supaya mem-

bolehkan semua peringkat budak2 dalam negeri ini dapat peluang menempelajari bahasa Melayu, ia-itu bahasa kebangsaan mereka sendiri. Dan nampak-nya banyak kemajuan2 yang telah di-dapat oleh murid2 itu. Saya menguchapkan selamat maju jaya kepada mereka yang telah bersungoh2 itu.



Pengarah, Bahagian Bahasa dan Pustaka Negeri Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Md. Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar dan Pengerusi Kempen dan Penerangan Bulan Bahasa sa-Negeri Brunei, Inche' Md. Salleh bin Abdul Kadir, Timbalan Pengarah Siaran Radio dan Penerangan Brunei kelihatan dalam gambar ini sedang memeriksakan chogan2 kata yang mendukung penggunaan bahasa Melayu sa-belum di-kirim ka-daerah2 dalam negeri ini untuk di-gunakan dalam masa pelencharan Bulan Bahasa mulai awal bulan ini.

BULAN BAHASA DI-BRUNEI:

PERADUAN KARANGAN

BANDAR BRUNEI. — Peraduan Karangan terbuka kepada orang2 dewasa Melayu dan bukan Melayu, murid2 Melayu dan bukan Melayu di-sekolah2 dalam negeri akan di-adakan dalam bulan ini sa-bagai salah satu achara Bulan Bahasa Kebangsaan yang telah di-lancarkan mulai pada 2 July.

Peraduan2 itu di-bahagikan kepada beberapa tajok karangan yang tertentu yang mendukung Bulan Bahasa Kebangsaan.

Tajok2 karangan ia-lah:

◆ Bagi orang2 dewasa Melayu (lelaki):

- ◆ Satu bahasa untuk satu negara; dan
- ◆ Memajukan bahasa bererti membentok negara.

◆ Bagi orang2 dewasa Melayu (perempuan):

- ◆ Mengenal bangsa itu utama mengenal bahasa-nya; dan
- ◆ Mengasehi bahasa ada-lah ujian mengasehi bangsa-nya.

Kedua2 bahagian ini di-kehendaki menulis sa-banyak 2,000 perkataan.

◆ Bagi orang dewasa bukan Melayu (lelaki):

- ◆ Bahasa lambang bersatu; dan
- ◆ Bahasa Kebangsaan di-Negeri Brunei.

◆ Bagi orang dewasa bukan Melayu (perempuan):

- ◆ Mesti-nya mempelajari bahasa kebangsaan; dan
- ◆ Dengan satu bahasa jalan menchapai keamanan.

Kedua2 bahagian ini di-kehendaki menulis sa-banyak 1,500 perkataan.

◆ Bagi murid2 lelaki Melayu di-semua sekolah:

- ◆ Bernafas satu bahasa untuk kemajuan negara; dan
- ◆ Mari-lah bersama membentok satu bahasa.

◆ Bagi murid2 perempuan Melayu di-semua sekolah:

- ◆ Di-sa-keliling bahasa kebangsaan; dan
- ◆ Melupakan bahasa-nya ada-lah menghilangkan bangsa-nya.

Kedua2 bahagian ini di-kehendaki menulis sa-banyak 1,000 perkataan.

◆ Bagi murid2 lelaki bukan Melayu di-semua sekolah:

- ◆ Keinginan-ku kepada Bahasa Kebangsaan; dan
- ◆ Maju-nya bahasa kebangsaan ada-lah tanggungan anak negeri yang ta'at.

◆ Bagi murid2 perempuan bukan Melayu di-semua sekolah:

- ◆ Bahasa Kebangsaan yang ku-chintai; dan

ORANG2
CHINA
MENYERTAI
Bulan Bahasa

BANDAR BRUNEI. — Dewan Perniagaan China di-Brunei telah menyatakan sokongan kerjasama terhadap Bulan Bahasa Kebangsaan anjoran Kerajaan yang telah di-lancarkan pada awal bulan July.

Dewan Perniagaan China itu menetapkan dalam meshuarat-nya bahawa pada 2 July sa-bagai hari pelencharan Bulan Bahasa, semua kedai2 dan bangunan perniagaan menaikkan bendera Negeri Brunei.

Mulai hari itu juga chogan2 kata yang mendukung Bulan Bahasa di-pasang di-kedai2 dan bangunan2 perniagaan.

Orang2 China di-Brunei al menyertai dalam Rapat Umum dan Perarakan Bulan Bahasa yang akan di-adakan pada 23 July hadapan. Pada hari itu semua kedai akan di-tutup, kechuali kedai2 makan dan minum.

Mulai pada 23 hingga 29 July bendera Negeri Brunei akan di-kibarkan di-kedai2 dan bangunan2 perniagaan sa-bagai tanda merayakan Bulan Bahasa.

◆ Bersama-lah kita memajukan bahasa kebangsaan.

Kedua2 bahagian ini di-kehendaki menulis sa-banyak 750 perkataan.

◆ Sharat2 untuk memasuki peraduan karangan ini ia-lah:

◆ Tiap2 peserta hanya di-bolehkan mengarang satu tajok karangan sahaja;

◆ Tiap2 peserta hendak-lah membuat tiga salinan karangan dan hantar ketiga2-nya sekali kepada alamat yang di-tentukan. Tulisan hendak-lah Rumi.

◆ Peserta hendak-lah menulis nama dan alamat-nya dengan terang. Jika ia bersekolah, sebutkan nama sekolah dan darjah-nya masa ini. Ini, hendak-lah di-buat pada sa-keping kertas yang befasingan dari tiap2 karangan-nya itu, tetapi kiriman bersam2 karangan itu; dan

◆ Peserta2 hendak-lah menghantar karangan-nya tidak lewat pada 16 July, 1962 kepada alamat:

Penyelenggara Susunan Peraduan dan Penyiaran, Jawatan-kuasa Kechil Bahagian Peraduan Pusat, d/a Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamal Alam, Bandar Brunei.

BAHASA JIWA BANGSA

BULAN BAHASA KEBANGSAAN

Peraduan Melukis Poster

BANDAR BRUNEI. — Bahagian Pamiran Bulan Bahasa Kebangsaan Negeri Brunei akan mengadakan satu peraduan melukis poster, terbuka kepada penduduk2 dalam negeri ini.

Peraduan ini ada-lah terbuka kepada :

(a) Orang2 dewasa. (b) i. Murid2 sekolah yang berumur 16 tahun ka-atas ii. Murid2 sekolah yang berumur dari 12 tahun ka-16 tahun dan iii. Murid2 sekolah yang berumur 11 tahun ka-bawah.

Pelukis2 yang terdiri dari orang2 dewasa, murid2 sekolah yang berumur 16 tahun ka-atas dan yang berumur dari 12 tahun

ka-16 tahun sahaja mestilah melukis chogan2 kata, seperti "Bahasa Jiwa Bangsa" dan sa-bagainya di-lukiskan masing2.

Murid2 yang berumur 11 tahun ka-bawah tidak-lah perlu melukiskan chogan2 kata dan memadai dengan lukisan yang berunsurkan memajukan Bulan Bahasa.

Poster2 itu mesti-lah menggunakan warna chat atau ayer. Warna2 kapur dan pensil tidak boleh di-gunakan untuk melukis poster2, kecuali bagi murid2 yang berumur 11 tahun ka-bawah.

Sukatan poster ia-lah 30 inci kali 22 inci. Tidak-lah di-hadkan sukatan poster bagi murid2 yang berumur 11 tahun ka-bawah.

Tiap2 peserta mesti-lah menuliskan nama penuh, alamat dan umur masing2 di-belakang poster dan hantar-lah poster itu kepada Jawatan Kuasa Bahagian Lukisan, Pamiran Bulan Bahasa di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei dari sekarang dan tidak lewat dari 16 July, 1962.

Pelukis2 yang berkehendakkan poster2-nya sa-lepas di-adakan pamiran tersebut boleh-lah meminta poster itu dari Jawatan Kuasa tersebut di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam mulai dari 2 August hingga 5 August.



Wakil2 Brunei Menghadhiri Seminar Belia Sa-Dunia

BANDAR BRUNEI. — Seminar Belia Sa-Dunia yang telah di-adakan di-Kuala Lumpur mulai dari 27 May hingga 17 June, 1962 telah berjalan dengan lancar-nya, yang mana Bahasa Kebangsaan, ia-itu bahasa Melayu telah menjadi Bahasa Pengantar.

Perkara tersebut telah di-terangkan oleh Abang Abu Hanifah, ketua rombongan dari Negeri Brunei yang menghadhiri seminar belia itu.

Wakil2 dari Negeri Brunei yang menghadhiri seminar tersebut ia-lah Abang Abu Hanifah, Dayangku Intan binti Pengiran Apong dan Awangku Mohamed Yusuf bin Pengiran Bakar.

Sa-ramai 33 orang wakil2 dari persatuan2 belia telah menghadhiri seminar itu, ia-itu 8 orang dari Persekutuan Tanah Melayu, 7 orang dari Singapura, 5 orang dari Sarawak, 5 orang dari Borneo Utara, 5 orang dari Indonesia dan 3 orang dari Brunei.

Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu telah mengishti-harkan pembukaan rasmi seminar tersebut di-Dewan Tengku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 27 May yang lalu.

Pokok2 perbincangan dalam seminar itu ia-lah berasas dari sharahan2 yang telah di-lafadzkan oleh pensharah2 dan ucapan2 di-majlis pembukaan seminar belia tersebut.

Wakil2 belia dari Brunei kelihatan dalam gambar ini pada masa menghadhiri upacara pembukaan rasmi Seminar Belia Sa-Dunia di-Kuala Lumpur baharu2 ini. Dudok di-barisan hadapan kanan sa-kali ia-lah Abang Abu Hanifah, manakala dudok di-barisan ke-dua dari kanan ia-lah Dayangku Intan dan Awangku Mohamed Yusof.

Gabnor Borneo Utara Singgah Di-Brunei

BERAKAS. — Gabnor Borneo Utara, Yang Terutama Sir William Goode telah singgah di-lapangan terbang Berakas, Brunei selama dua puluh minit pada pagi hari Rabu 27 June, 1962 dalam perjalanan beliau dari Jesselton ka-United Kingdom.

Sir William telah di-temui di-lapangan terbang Berakas oleh Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Sir Dennis White dan Pesuruh Jaya Pulis Negeri Brunei, Inche' A.N. Outram.

Pengarah R. K. Melawat Brunei

BERAKAS. — Pengarah Rancangan Kolombo, Inche Sachichiro Matsui telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Jesselton pada pagi hari Rabu 27 June, 1962.

Tujuan lawatan beliau ka-negeri ini ia-lah untuk mengadakan perundingan dengan Pegawai2 Kanan Kerajaan Brunei berhubung dengan Rancangan Kolombo.

Yang Mulia Pengiran Syed Shahminan dari Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Brunei telah menemui Inche Matsui di-lapangan terbang Berakas.

Beliau telah berangkat ka-Kuching pada 28 June.

MEMPELAJARI MASAALAH EKONOMI DI-BRUNEI

BERAKAS. — Inche Everett Hawkins Pengerusi, Jabatan Ekonomi dan Sosial di-Maktab Mount Holyoke, Hadley Selatan, Massachusetts, Amerika Sharikat telah melawat ka-Negeri Brunei pada hari Rabu 27 June, 1962 dalam bidang lawatan-nya mengelilingi dunia.

Beliau telah di-temui di-lapangan terbang Berakas oleh Penasihat Ekonomi Bangsa2 Bersatu di-Brunei, Dr. J.S. Gould.

Inche Hawkins berkata kepada wartawan kita ketika beliau tiba dari Jesselton pada pagi hari tersebut bahawa tujuan lawatan-nya ka-negeri ini ia-lah untuk mempelajari perkara2 yang bersangkutan dengan masalah ekonomi di-negeri ini.

PAMIRAN BUKU2

BANDAR BRUNEI. — Satu pamiran buku2 akan di-adakan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei selama sa-minggu mulai dari 23 July ini sa-bagai salah satu acara sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Negeri Brunei.

Pengerusi Jawatan Kuasa Pamiran Buku2 Bulan Bahasa Kebangsaan Negeri Brunei, Inche Mohamed Hussain bin Mohamed Yusof berkata bahawa buku2 dan segala perचितakan yang akan di-pamirkan itu semua-nya ada-lah dalam bahasa Melayu.

Barang siapa yang berhajat hendak mengambil bahagian di-temasha pamiran buku2 itu diminta berhubung dengan Jawatan Kuasa Pamiran Buku2 Bulan Bahasa di-Pejabat Pelajaran Brunei tidak lewat dari 15 July, 1962.

BALEK DARI MEKAH

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 22 orang jema'ah haji dari Jema'ah Sheikh Haji Ibrahim dan 47 orang lagi jema'ah haji dari Sheikh2 yang lain, telah belayar dari Jeddah ka-Singapura dengan kapal "Kuala Lumpur."

Jema'ah haji itu di-jangka akan tiba di-Singapura pada hari Ahad 8 July, 1962.

Jema'ah2 haji dari Sheikh Haji Ibrahim ada-lah seperti dibawah ini :

Pengiran Haji Damit bin Pengiran Duriat, Pengiran Haji Samit bin Pengiran Tajuddin, Awangku Haji Bungsu bin Pengiran Damit, Awang Haji Moksin bin Haji Matasin, Dayang Hajjah Rokiah binti Awang Moksin, Dayang Hajjah Maisah binti Garif, Awangku Haji Idrus bin Pengiran Mustaffa, Haji Moha-

med Daud bin Haji Talib, Dayang Hajjah Achih binti Jaffar, Awang Haji Abdul Jalil bin Awang Safar, Awang Haji Ahmad bin Haji Jambol, Haji Hamdan bin Jambol, Haji Mamit bin Haji Rimas, Awang Haji Othman bin Ahmad, Awang Haji Anak bin Sadong, Haji Safar bin Noordin, Awang Haji Murah bin Haji Ali, Awang Haji Bini bin Haji 'Arif, Dayang Hajjah Midah binti Rajuddin, Awang Haji Ibrahim bin Khatib Mohammad, Haji 'Arif bin Yusof dan Hajjah Tijah binti Astor.

UTAMAKAN-LAH BAHASA MELAYU

SIARAN RADIO BRUNEI

Rancangan Siaran Radio Brunei bahagian Melayu dari Studio2 di-Bandar Brunei dan Kuala Belait mulai dari 4 July hingga 11 July, adalah seperti di-bawah ini:

RABU — 4 JULY, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran
12.45 Majallah Melalui Udara — (V.O.A.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Ruangan Apa Khabar — (S.U.)
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran
7.15 Latar Belakang — Rakaman BBC London
7.30 Pancharagam Tentera/Police
7.45 Lagu2 Permintaan Suka Ramai Di-sampaikan Oleh: Dk. Intan
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Cherita Pendek — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT
Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Bunga Rampai Indonesia
12.00 Latar Belakang — (S.U.)
Rakaman BBC London
12.15 Lagu2 Rampaian
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Pilihan Hiboran Saya — Para Pendengar Pengirim Lagu2 Kegemaran-nya — dan Di-siarkan Oleh: Pg. Mohd.
5.00 Perkembangan Ilmu Pengetahuan Rakaman V.O.A.
5.15 Ruangan Cherita Pendek — (S.U.)
5.30 Irama Aneka Senandung — Di-terbitkan Oleh: Zainab Zainal Abidin
6.00 Siaran Melayu Tammat

KHAMIS — 5 JULY, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian Oslan
12.45 Majallah Sain dan Perusahaan — (S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Lagu2 Tanpa Nyanyian
1.30 Majallah Radio — (S.U.)
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Bacha'an Al Koran
7.15 Kursus Al-Koran — Di-sampaikan Oleh: Tuan Haji Khalidi
7.30 Lagu2 Irama Pelahan
7.45 Madah Pujangga (S.U.)
8.00 Sejarah Islam
8.15 Lagu2 Melayu Asli
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Tafsir Al-Koran — Di-sampaikan Oleh: Tuan Haji Khalidi
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Permintaan Suka Ramai: Di-sampaikan Oleh: Zainab Zainal Abidin
12.00 Perkembangan Ilmu — Pengetahuan — (V.O.A.)
12.15 Hiboran
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Melayu Asli
4.45 Pelajaran Tinggi Di-Britain
Rakaman BBC London
5.00 Permainan Hiboran Tempatan (S.U.)
5.30 Lagu2 Padang Pasir
5.45 Bacha'an Ayat Suchi Al-Koran.
6.00 Siaran Melayu Tammat

JUMAAT — 6 JULY, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Pagi
9.00 Selamat Sejahtera
9.02 Bacha'an Al-Koran
9.15 Selingan
9.30 Pelajaran Ugama Di-Udara — Di-sampaikan Oleh: Ustadz Salleh bin Hj. Abd. Majid
9.45 Sharahan Ugama
10.10 Hiboran
10.15 Rengkas Berita
10.20 Mengisi Masa
10.30 Rehat
Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Mimbar Islam — Sembahyang Juma'at Di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Selepas itu diikuti dengan lagu2 Masir.
1.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.45 Lagu2 Irama Pelahan
2.00 Siaran Melayu Tammat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran Pembuka'an
7.15 Sandiwara Radio — (S.U.)
8.00 Lagu2 Permintaan Sukaramai — Di-terbitkan Oleh: Dk. Intan
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran Akhir
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Hiboran
11.45 Pelajaran Tinggi Di-Britain — Rakaman BBC London (S.U.)
12.00 Rancangan Ugama — Di-terbitkan Oleh: Pgn. Mohammad
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Hiboran Rampaian
4.50 Majallah Sain dan Perusahaan Rakaman BBC London
5.00 Lagu2 Padang Pasir
5.30 Aneka Lagu2 Melayu — (Lagu Tanpa Nyanyian)
5.45 Lagu2 Masri
6.00 Siaran Melayu Tammat

SABTU — 7 JULY, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran
12.45 Penyer dan Hasil Karya — (S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Selingan
1.30 Buah Fikiran
1.45 Hiboran Penutup
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Pilihan Juru Hebah
7.15 Halaman Perbincangan — Rakaman BBC London
7.30 Kamus Kilan Tuan2 — Di-terbitkan Oleh Abd. Wahab Mohd.
7.45 Persembahan Orkest Irama Seni
8.00 Lagu2 Kronchong
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran Malam Ahad
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Hiboran Rengan dan Gembira
11.50 Majallah Sain dan Perusahaan Rakaman BBC London
12.00 Lagu2 Permintaan Sukaramai — Di-sampaikan Oleh: Zainab Zainal Abidin
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Suntingan Lagu2 Sumatra
4.45 Tetamu Kita — Para Pendengar Di-Jemput ka-Studio untuk Memilih lagu2 Kegemaran-nya Di-terbitkan Oleh: Zainab Zainal Abidin

5.15 Simposium Di-Udara — Rakaman BBC London
5.30 Hidang Aneka Senandung
6.00 Siaran Melayu Tammat
AHAD — 8 JULY, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Pagi
9.00 Selamat Sejahtera
9.02 Senandung Pagi
9.15 Masak2kan
9.30 Ruangan Apa Khabar — Di-terbitkan Oleh: Adnan Hj. Hassan
10.15 Rengkas Berita
10.20 Suntingan Rancangan Mingguan Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
10.30 Rehat
Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran Rampaian
12.45 Bahasa dan Kesuasteraan — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Asohan Wanita — Di-terbitkan Oleh: Dk. Mariam
1.30 Hiboran Dari Studio (Pancharagam Tempatan) Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran Pembuka'an
7.15 Majallah Radio — Di-terbitkan Oleh: Othman Kamarudin
7.45 Dunia Film Penerbit Dk. Intan
8.00 Aneka Ragam — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran (Lagu2 Melayu Asli)
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Permintaan Suka Ramai
12.15 Halaman Sokan Sa-minggu
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Hiboran Dari Studio
5.00 Halaman Sokan Minggu — Di-terbitkan Oleh: Pengiran Mohammad
5.15 Mengelilingi Dunia di-alam Ria
5.30 Ruangan Cherita Pendek
5.45 Hiboran Akhir
6.00 Siaran Melayu Tammat

ITHNIN — 9 JULY, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian Nina Kirana
12.45 Latar Belakang — Rakaman BBC London (S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Hiboran
1.30 Cherita Pendek — (S.U.)
1.45 Pilihan Saya (Juru Hebah)
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran
7.15 Penyer dan Hasil Karya — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohammad
7.30 Lagu2 Permintaan Suka Ramai — Di-sampaikan Oleh: Dayangku Mariam
8.15 Majallah Sain dan Perusahaan Rakaman BBC London
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Lagu2 Lama dan Baru
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Hiboran
11.45 Hiboran Irama Instrumental

12.00 Bunga Rampai Melayu
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Hiboran
4.45 Halaman Perbincangan — Rakaman BBC London
5.00 Permainan Hiboran Tempatan
5.30 Irama Lautan Tedoh
5.45 Hiboran Rampaian
6.00 Siaran Melayu Tammat

THALATHA — 10 JULY, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian Meria Menando
12.45 Laporan Pandangan Mata — (V.O.A.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Lagu2 Latin Amerika
1.30 Asohan Wanita — (S.U.)
1.45 Hiboran Penutup
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Ruangan Pemuda Pemudi — Di-terbitkan Bersama Oleh: Adnan Haji Hassan dan Dk. Mariam
7.45 Pilihan Sendiri — Di-terbitkan Oleh: Dk. Mariam
8.15 Ilmu Pengetahuan — Rakaman V.O.A.
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Cherita Seram — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Hiboran Rampaian
11.45 Seni Irama Melayu
12.00 Lagu2 Hiboran
12.15 Seruan Terumput
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Hiboran
4.45 Laporan Pandangan Mata — Rakaman V.O.A.
5.00 Lagu2 Permintaan Suka Ramai
5.45 Irama Permainan Piano
6.00 Siaran Melayu Tammat

RABU — 11 JULY, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran
12.45 Halaman Perbincangan — Rakaman BBC London (S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Ruangan Apa Khabar — (S.U.)
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Lagu2 Hiboran
7.15 Latar Belakang — Rakaman BBC London
7.30 Pancharagam Tentera/Police
7.45 Lagu2 Permintaan Sukaramai Di-sampaikan Oleh: Dk. Mariam
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Cherita Pendek — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Bunga Rampai Melayu
12.00 Studio Orkest
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Hiboran
4.45 Latar Belakang — Rakaman BBC London
5.00 Lagu2 Irama Joget
5.30 Lagu2 Hiboran Rampaian
6.00 Siaran Melayu Tammat

"JIWA BANGSA"

Gubahan oleh:

Awang Besar Sagap

Senikata oleh:

Yurahalim

MARI-LAH RA'AYAT SEMUA,

BERIKRAR DAN SETIA,

MEMUJA BAHASA IBUNDA,

BAHASA JIWA BANGSA,

BAHASA MELAYU RAYA,

TANDA-NYA KITA JAYA,

BANGUN-LAH MAJU-LAH SEMUA,

BAHASA LAMBANG BERSATU.

TUNTUT-LAH BAHASA MELAYU MELAYU,

TANDA BANGSA KITA MENUJU NIAT SATU,

BERDAULAT SERTA DARGAHAYU DAN MULIA BAHASA MELAYU.

MARI KITA SEMUA, BELAJAR BERSAMA-SAMA,

DENGAN TEKUN DAN TABAH; BAHASA MELAYU JAYA,







MARI KITA SEMUA, MEMUJA SASTRA IBUNDA,

DENGAN SEMANGAT SETIA, BAHASA MELAYU RAYA.

"JIWA BANGSA"

MARCH TEMPO (MODERATO)
SEMANGAT BANGGA.

GUBAHAN OLEN: AWANG BESAR SAGAP.
SENI-KATA OLEN: YURAHALIM.



SELAMAT BERPISAH PARAJURIT2 NEGARA



Rekrut2 Asker Melayu Brunei yang baharu serta parajurit2 dari pasokan yang ke-dua dan ketiga Asker Melayu Brunei telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk menjalani latihan di-sana baharu2 ini. Sa-belum mereka berpisah dari Brunei, satu upacara mengucapkan selamat berpisah kepada mereka telah di-adakan di-padang besar Bandar Brunei pada pagi 18 June yang lalu. Dalam upacara itu, Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un telah memberikan satu ucapan yang bersemangat kepada parajurit2 itu yang di-banggakan2 oleh ra'ayat jelata negeri ini. Gambar atas sa-kali ia-lah satu pemandangan sa-mase di-adakan upacara mengucapkan selamat berpisah kepada parajurit2 tersebut di-padang besar Bandar Brunei. Gambar tengah ia-lah satu pemandangan di-Tambatan Kastam Di-raja, Bandar Brunei dan gambar bawah sa-kali menunjukan beberapa orang parajurit tersebut mengucapkan selamat tinggal kepada orang ramai di-Tambatan Kastam Di-raja, Bandar Brunei pada pagi hari tersebut.

BALEK DARI MALAYA

BERAKAS. — Pengiran Syed Shahminan dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei dan Yang Berhormat Inche Abdul Manan bin Mohamed telah kembali ka-Brunei dengan kapal terbang dari Singapura pada 26 June sa-lepas menyerahkan rekrut2 baharu Asker Melayu Brunei kepada pihak yang berkuasa.

Angkatan Tentera Persekutuan Tanah Melayu yang bertanggung jawab bagi latihan mereka. Yang Berhormat Inche Abdul Manan telah belayar ka-Singapura dengan kapal laut pada 18 June yang lalu dengan 308 orang Asker2 Melayu Brunei sa-bagai penjaga kepada parajurit2 itu.

Kerajaan Menafikan . . .

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei telah menafikan satu tuduhan yang menyatakan bahawa Kerajaan telah enggan memberi "visa" atau surat kebenaran keluar-masuk kepada tiga orang anggota Partai Ra'ayat, Brunei ka-Sarawak untuk menghadiri persidangan Partai Ra'ayat Bersatu Sarawak yang telah berlangsung baharu2 ini di-Kuching.

Tuduhan tersebut telah dilaporkan oleh akhbar "Borneo Bulletin" keluaran 16 June, 1962 yang telah di-petik dari sa-buah akhbar bahasa China, "Sin Wen Pao" bahawa anggota2 Partai Ra'ayat Brunei itu telah gagal menghadiri persidangan tersebut di-sebabkan Kerajaan Brunei tidak memberi kebenaran kepada mereka berangkat ka-Sarawak.

Kerajaan Brunei menyatakan dalam satu siaran yang di-terbit-

kan pada hari Khamis 28 June, 1962 bahawa tuduhan tersebut ada-lah tidak benar, kerana mereka itu mempunyai surat2 keterangan paspot Inggeris yang sah dan boleh melawat ka-Sarawak.

Kenyataan Kerajaan sa-bagai mana tersebut menambah kata bahawa tidak ada syarat2 pembatasan sa-barang chorak jua pun yang di-kenakan ka-atas perjalanan anggota2 Partai Ra'ayat Brunei.

RAPAT UMOM DAN PERARAKAN BULAN BAHASA

(Dari Muka 1)

perarakan sedia berator di-hadapan bangunan Pejabat Besar Kerajaan pada tempat yang di-khaskan.

Pukul 4.15 petang — Pasokan Pancharagam Pulis bersedia di-tempat yang di-khaskan.

Pukul 4.25 petang — Para2 dzaif duduk di-tempat yang di-khaskan.

Pukul 4.30 petang — Tetamu2 khas tiba.

Pukul 4.35 petang — Uchapan Pengerusi Bulan Bahasa Kebangsaan, Y.B. Tuan Haji Md. Jamil bin P.U.K. Haji Umar (Pengerah, Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei).

Pukul 4.40 petang — Uchapan sambutan orang ramai dari pehak tiap2 kaum:

Melayu — Awang Hafidz bin P. Laksamana;

Eropah — Inche' P.M. Linton;

Tionghua — Inche' Lim Boon Koon; dan

India — Inche' Kamil bin Md. Ali Marican.

Pukul 5.00 petang — Uchapan

pembukaan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Setia Marsal bin Ma'un.

Pukul 5.05 petang — Membacha Ikrar Bulan Bahasa Kebangsaan di-ketuai oleh Pengerusi Rapat Umom dan sa-lepas itu menyerahkan ikrar itu kepada Menteri Besar Brunei.

Pukul 5.10 petang — Lagu "Jiwa Bangsa" di-nyanyikan oleh murid2 sekolah dengan di-iringi oleh Pasokan Pancharagam Pulis.

Pukul 5.15 petang — Menggugorkan "Ikrar Bahasa Kebangsaan" dari kapal terbang.

Pukul 5.25 petang — Perarakan di-mulakan di-ketuai oleh Menteri Besar Brunei bersama2 dengan ketua2 jabatan Kerajaan, wakil tiap2 kaum, Pasokan Pancharagam Pulis dan pasokan2 perarakan. Sa-lepas itu perarakan balek sa-mula ka-tempat permulaan dan do'a selamat di-bachakan oleh Begawan Khatib Haji Metali, Kadhi Da'erah Brunei dan Muara.

Akhir-nya Lagu Kebangsaan Brunei di-perdengarkan.



Chogan2 kata menyokong pelaksanaan Bulan Bahasa Kebangsaan dapat di-lihat di-hadapan bangunan2 Pejabat2 Kerajaan di-seluruh Negeri Brunei dalam bulan ini. Gambar ini ia-lah satu pemandangan bangunan Dewan Kemaharakan di-Bandar Brunei.

USAHA MEMPERKEMBANGKAN PERTANIAN

Di-Kampung2 Ulu Sungai

USAHA memperkembangkan pertanian di-kampung2 ulu sungai di-seluruh Negeri Brunei telah di-pergiatkan dengan tujuan hendak meninggikan taraf hidup penduduk2 kampung.

Dalam satu siaran Pegawai Pertanian Negara, Yang Berhormat Inche' Hamidoon bin Awang Damit, berkata bahawa dari awal tahun ini, pegawai2 pertanian telah di-tempatkan di-kampung2 ulu sungai.

Tujuan pejabat pertanian menempatkan pegawai2 itu ia-lah untuk memberi nasihat tentang cara menanam pokok yang sesuai dengan keadaan tanah di-kawasan2 mereka.

Pegawai2 itu juga mengajar penduduk2 kampung cara2 mencegah penyakit dan musoh tanaman. Sa-lain dari itu pegawai2 itu ada-lah juga di-tugaskan memerhatikan kebersihan dan kesehatan penduduk2 kampung.

Inche' Hamidoon berkata antara sebab2 langkah ini telah diambil ia-lah memandang kepada keadaan kehidupan penduduk2 kampung.

"Tanah2 mereka di-kampung2 ulu sungai ada-lah lebih subur dari tanah yang berdekatan dengan pantai", kata beliau.

Sambutan atas ranchangan menempatkan pegawai2 pertanian di-kampung2 ulu sungai itu ada-lah di-katakan memuaskan.

"Kejayaan pekerjaan dalam kawasan2 kampung ada-lah terbukti dengan kerjasama penduduk2 membuka kawasan2 semaian buah2an dan sayur2an bagi



Y.B. Inche Hamidoon b. Awg. Damit

mempelajari cara2 membiakkan pokok2.

"Untuk menjamin supaya pokok2 mereka tidak di-musnahkan oleh musoh, ubat dan racun untuk mencegah musoh akan dijual kepada penduduk2 kampung dengan harga yang sa-habis murah," kata-nya.

Siaran itu sa-lanjut-nya berkata:

"Kita juga telah mengadakan latihan bagi peladang2 mulai awal bulan June, 1962 di-Pusat Perchubanan di-Kilanas. Pelateh2 tersebut ada-lah dengan pilihan serta sokongan dari pegawai2 yang menjalankan tugas di-kampung2 ulu sungai.

"Sa-kumpulan dari pelateh2 tersebut akan menjalani latihan sa-lama tiga bulan sa-lepas itu siji akan di-beri kepada mereka sa-telah mereka tamat latihan ini.

"Mereka akan mempelajari cara2 membiakkan pokok2, memelihara ikan, bertanam padi, mengawal serta mencegah musoh2 tanaman, perusahaan getah dan persediaan membuat getah berkepung2 yang baik, cara memternak ayam dan sa-bagai-nya.

"Apabila mereka tamat dan balek ka-kampung masing2, mereka akan menjadi contoh kepada peladang2 lain-nya di-kampung mereka.

"Bilangan pelateh2 ini nanti akan di-tambah apakala anggaran belanjawan yang lebih besar dan menchukupi dapat di-luluskan kelak."

PELANCHONG2

DARI AMERIKA

MELAWAT BRUNEI

BERAKAS. — Sembilan orang pelanchong dari Amerika Sharikat telah tiba di-lapangan terbang Berakas, Brunei dari Hong Kong dengan kapal terbang pada hari Ahad 24 June, 1962 untuk melawat ka-negeri ini sa-lama sa-hari.

Dalam masa lawatan tersebut, pelanchong2 itu telah melawat ka-beberapa buah tempat yang mustahak di-negeri ini, di-antaranya ia-lah Mesjid Omar Ali Saifuddin, Kampung Ayer dan tempat membuat barang2 perak.

Mereka telah berlepas ka-Kuching pada tengah hari 25 June dalam perjalanan ka-Singapura, Persekutuan Tanah Melayu, Timor Tengah dan Eropah.

BARANG-BARANG BRUNEI DI-PERTUNJOKAN MAHA

BANDAR BRUNEI. — Berbagai2 jenis tenunan, anyaman dan pekerjaan tangan orang2 Brunei seperti Kain Jong Sarat, Kain Bertabor, Kain Bulu, Tampang Sirat, Tikar2 pandan, Bakul Sireh dan lain2 akan di-pamerkan dalam Pertunjukan MAHA yang akan diadakan di-Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada 5 hingga 9 July hadapan.

Sa-bahagian daripada barang2 tersebut belum pernah di-pamerkan pada tahun2 yang lalu.

Yang Berhormat Inche' Hamidoon bin Awang Damit, Pegawai Pertanian Negara Brunei sa-laku ketua rombongan dari Brunei untuk menghadhiri Pamiran Maha itu, berkata:

"Barang2 yang akan di-pamerkan itu telah di-kirimkan dengan kapal laut pada 25 June lepas."

Inche' Hamidoon bersama Inche2 Sha'ari bin Md. Said, dari Jabatan Pertanian Brunei dan Awang Mohin bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Haji Ahmad, dari Sharikat Pertukangan Perak Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk menghadhiri pameran tersebut.

Gerei Jualan Barang2 Murah Anjoran P.P.P.B.

BANDAR BRUNEI. — Satu gerai jualan barang2 murah dibawah anjoran Pertubuhan Persekutuan Perempuan Brunei telah di-adakan di-tanah lapang berhampiran Panggong Bc Pang Baru di-sini pada peta hari Jumaat yang lalu.

Gerai itu di-adakan untuk mengutip derma bagi mengirimkan sa-orang ahli pertubuhan itu ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk berluteh di-sana sa-lama tiga bulan.

Wang sa-banyak \$600 telah di-perolehi di-temastia tersebut.

MAJU BAHASA MAJU-LAH BANGSA

Maktab Perguruan Menang

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Berakas telah memenangi piala rebutan dalam peraduan bahath peringkat akhir antara persatuan2 anjoran Persatuan Murid2 Tua Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Peraduan tersebut telah di-langsungkan pada malam 20 June yang lalu di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Persatuan Penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Berakas yang bertindak sa-bagai penchadang mendapat markah 252½ mata dan pehak pembahath yang terdiri dari Persatuan Pemuda Tunas Harapan gabungan kampung2 Bakut mendapat markah 238½ mata.

Tajok perbahathan pada malam itu ia-lah "Pergaulan pemuda pemudi patut di-galakkan".

Yang Berhormat Inche' Othman bin Bidin, Pengetua Maktab Perguruan Melayu Berakas telah

menjadi pengerusi peraduan tersebut dan pengadil2-nya terdiri dari Che'gu Liman Ahmad, Haji Md. Tarif dan Che'gu Ismail Rahmat.

Sa-belum peraduan bahath itu di-mulai, Yang Berhormat Inche Othman bin Bidin telah menyampaikan harapan-nya kepada pertubohan2 belia di-negeri ini supaya usaha2 sa-lain dari pada peraduan itu akan di-jalankan juga untuk kepentingan kita bersama.

"Kemajuan Negeri Brunei terletak kepada kaum belia. Kapada belia2-lah akan mengandalkan kerja2 yang di-pegang oleh orang2 kita yang telah meningkat umur," kata-nya.



Satu pemandangan gerai jualan barang2 murah yang telah di-adakan di-Bandar Brunei pada petang hari Jumaat yang lalu.

PASOKAN B. J. UNIVERSITY NANYANG KA-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Satu pasokan bola jaring dari University Nanyang, Singapura akan tiba di-Negeri Brunei besok untuk mengadakan pertandingan dengan pasokan2 bola jaring di-negeri ini.

Pasokan itu ada-lah mengan-dongi 15 orang wanita dan 18 orang lelaki.

Menurut jadual pertandingan yang telah di-tetapkan, pasokan bola jaring itu akan mengadakan pertandingan dengan satu pasokan yang handal di-negeri ini di-kawasan bola jaring Sekolah Menengah Chung Hwa, Kuala Belait pada malam besok.

Satu lagi pertandingan di-antara pasokan tersebut dengan satu pasokan tempatan akan di-adakan di-kawasan bola jaring satu-satuan Kejuruteraan China Seria pada malam 7 July.

PERTANDINGAN SUKAN KEJOHANAN BRUNEI

SERIA. — Pertandingan Sukan Kejoohan Negeri Brunei telah di-langsungkan di-Kawasan Sukan di-sini pada petang hari Ahad 1 July, 1962 dengan beroleh kejayaan yang baik.

Yang Mulia Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Yang Dipertua Persatuan Sukan Negeri Brunei telah membuka pertandingan itu pada pukul 2 petang.

Hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Timbalan Setia Usaha Kerajaan merangkap Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

Perlu di-beritakan bahawa se-suai dengan permulaan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Negeri Brunei, semua pengumuman serta ucapan di-temasha sukan tersebut ia-lah dalam Bahasa Melayu — Bahasa Rasmi Negeri Brunei.

Tiga rekod yang baharu telah dapat di-atasi dalam pertandingan tersebut.

Joseph Chin dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei telah menchiptakan dua rekod yang baharu ia-itu dalam perlumbaan lari sa-jauh sa-batu dengan mengambil masa 4 minit

45.5 sa'at. Rekod yang lama di-chiptakan oleh Sinin Metali (ia tidak mengambil bahagian dalam pertandingan sukan kejoohan Daerah Brunei dan juga Negeri Brunei pada tahun ini) ia-lah 4 minit. 47.6 sa'at.

Dalam perlumbaan lari sa-jauh tiga batu Joseph Chin telah menchiptakan rekod yang baharu dengan mengambil masa 17 minit 13.3 sa'at. Rekod yang lama di-chiptakan oleh Jaffar Awang Besar (ia juga telah tidak mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut) ia-lah 17 minit 21.6 sa'at.

George Chong dari Sekolah Inggeris Saint Michael, Seria telah berjaya mengatasi rekodnya yang lama dalam bahagian lompat bergalah. Rekodnya yang baharu dalam bahagian ini ia-lah 11 kaki 6½ inchi, manakala rekodnya yang lama ia-lah 10 kaki 8½ inchi.

Piala perak pusingan untuk peserta lelaki yang terbaik sa-kali dalam bahagian perlumbaan2 telah di-menangi oleh Joseph Chin.

George Chong telah memenangi piala perak pusingan untuk peserta yang terbaik sa-kali dalam bahagian lompat, lempar dan baling.

Piala perak pusingan untuk peserta wanita yang terbaik sa-kali di-temasha sukan tersebut telah di-menangi oleh Puan Rose

Chong dari Sekolah Inggeris Saint Michael, Seria.

Peserta2 yang berjaya di-temasha sukan tersebut akan mewakili Negeri Brunei di-temasha Sukan Kejoohan Seluruh Negeri2 Brunei, Sarawak dan Borneo Utara yang akan di-adakan di-Kuching, Sarawak pada 13 dan 14 July, 1962.



Joseph Chin

BAHASA KEBANGSAAN BAHASA PERPADUAN

Inche Krishnamurthi Melawat Brunei

BERAKAS. — Ketua Bahagian Perdagangan Surohanjaya Perekonomian Bangsa2 Bersatu bagi Asia dan Timor Jauh ("ECAFE") bertempat di-Bangkok, Thailand, Inche R. Krishnamurthi telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang pada tengah 11 June, 1962 dari Kuching am bidang lawatan-nya ka-Negeri2 Sarawak, Brunei dan Borneo Utara.

Beliau telah di-sambut di-Lapangan Terbang Berakas oleh Penasehat Ekonomi Bangsa2 Bersatu di-Brunei, Doktor J.S. Gould,

Pesuruhjaya Perkembangan Negera, Inche Sa'ad bin Marzuki dan Pengawal Kastam Negeri Brunei, Inche Chua Kwang Soon.

Dalam masa lawatan-nya ka-Brunei sa-lama empat hari, Inche Krishnamurthi telah mengadakan perbincangan dengan Pegawai2 Kanan Kerajaan Brunei mengenai masaalah perdagangan dan kastam.

Wakil Bangsa2 Bersatu tersebut juga telah mengadakan perundingan dengan Pegawai2 Sharikat Minyak Shell Brunei mengenai minyak.



Penasehat Ekonomi Bangsa2 Bersatu di-Brunei, Doktor J.S. Gould kelihatan dalam gambar ini menyambuti Inche Krishnamurthi pada masa beliau melawat ka-Brunei sedikit hari dahulu.

MAJLIS CHERAMAH DEWAN BELIA ANTARA BANGSA

BANDAR BRUNEI. — Penasehat Ekonomi Bangsa2 Bersatu di-Brunei, Doktor J.S. Gould telah memberikan satu cheramah berhubung dengan perkembangan ekonomi di-Negeri Brunei di-majlis cheramah bulanan yang telah di-adakan oleh Dewan Belia Antara Bangsa, Brunei.

Majlis itu telah di-adakan di-Brunei Hotel pada malam Sabtu yang lalu dan di-pimpin oleh Yang Dipertua, Dewan Belia Antara Bangsa, Brunei, Inche Zaini bin Haji Ahmad.

Majlis itu di-mulai dengan semua orang yang hadir berdiri tegak dan bertafakor sa-lama dua minit sa-bagai menghormati arwah Inche Koshi, Guru Maktab S.O.A.S. yang telah meninggal dunia pada hari itu.

Turut memberi cheramah di-majlis itu ia-lah Inche Mohan Awasty yang baharu sahaja balek ka-Brunei sa-telah menghadiri Kongres Dewan Belia Antara Bangsa Sa-Dunia di-Australia.

Dalam bulan June yang lalu Pegawai Pelajaran Negara, Bru-

nei, Yang Berhormat Inche Malcolm MacInnes telah memberikan cheramah mengenai pelajaran.

Dewan Belia Antara Bangsa, Brunei telah mengambil ketetapan hendak menjemput Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf, Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Brunei merangkap Pengarah Siaran Radio dan Penerangan untuk memberikan cheramah dalam bulan ini mengenai Bulan Bahasa Kebangsaan Negeri Brunei.

Dalam bulan August hadapan pula, sa-orang pegawai dari Sharikat Minyak Shell Brunei akan di-jemput oleh Dewan Belia Antara Bangsa itu untuk memberikan cheramah mengenai perusahaan minyak di-negeri ini.

BAHASA MELAYU BAHASA RASMI NEGERI INI

KAWASAN2 PILEHAN RAYA

BANDAR BRUNEI — Surohanjaya Pilehan Raya Negeri Brunei telah menetapkan 21 July, 1962 sa-bagai hari menamakan chalun dalam tiap2 kawasan pemilehan.

Jikalau ada pertandingan pilehan raya di-dalam sa-barang kawasan pemilehan, maka hari buang undi yang telah di-tetapkan ia-lah 30 August, 1962.

Kawasan2 pemilehan itu ia-lah :

DAERAH BRUNEI : Muara, Pulaie-Salambigar, Berakas, Sengkunong, Tanjong Nangka, Kuala Brunei, Dato Gandhi, Padang, Batu Satu, Kilanas, Kianggeh, Gadong, Sumbiling, Sungai Kedayan, Pemancha-Sultan Lama, Bendahara-Tamoi, Saba, Laila Menchanai, Pekan Lama, Burong Pingai, Saba Darat Peramu, Lumapas-Kasat dan Pengkalan Batu.

DAERAH TUTONG : Kupang-Birau, Sinaut, Penanjong-Keriam, Pekan Tutong, Bukit Pasir, Kiudang, Tanjong Maya, Lamunin, Kuala Abang, Ukong, Rambai dan Benutan.

DAERAH BELAIT : Sungai Liang, Pekan Seria, Lorong Tiga, Lorong Empat-Lima, Marina, Lorong Tujoh, Panaga, Jalan Seria, Pekan Belait, Saberang-Tanjong, Bukit Sawat dan Balai-Labi.

DAERAH TEMBURONG : Labu, Batu Apoi, Bangar, Ujong Jalan, Balaban, Bokok dan Amo.

PERADUAN2 BULAN BAHASA

BANDAR BRUNEI — Peraduan2 Bulan Bahasa bagi Daerah Brunei dan Muara akan diadakan mulai dari malam 9 July hingga ka-malam 14 July di-Padang Besar Bandar Brunei.

Peraduan2 Bulan Bahasa bagi Daerah Belait pula akan diadakan di-Padang Besar Kuala Belait mulai dari malam 7 July hingga ka-malam 13 July.

Sementara itu, Jawatan Kuasa Bulan Bahasa bagi Daerah Brunei dan Muara akan mengadakan meshuarat-nya di-Bilek Persidangan, Dewan Kemasharakatan pada pukul 9 pagi hari Khamis 5 July, untuk merundingkan perkara2 yang lanjut berhubung dengan peraduan2 yang akan diadakan kelak.

PILEHAN RAYA: Pegawai2 Kerajaan Di-Benarkan Bertanding

BANDAR BRUNEI — Kerajaan Brunei telah memutuskan untuk membenarkan Pegawai2 Kerajaan menjadi chalun2 bagi pilehan raya umum yang akan datang.

Pegawai2 dalam semua peringkat perkhidmatan Kerajaan yang berajat hendak menjadi chalun bagi pilehan raya hendaklah memohon kepada Setia Usaha Kerajaan pada atau sa-belum hari Sabtu 7 July, 1962 menerusi Ketua Pejabat masing2.

Permohonan2 itu akan di-pertimbangkan oleh Majlis Meshuarat Kerajaan.

Jika pemohon itu di-benarkan bertanding dalam pilehan raya, maka ia akan di-beri chuti yang bergaji penuh, dari 21 July 1962 hingga 31 August, 1962.

Chuti yang di-berikan itu akan di-potong dari sebarang chuti yang Pegawai itu berhak mendapat pada 30 July, 1962. Jika Pegawai itu tidak berhak mendapat sebarang chuti dan ia di-ambil

bekerja semula dalam perkhidmatan Kerajaan, maka chuti yang Pegawai itu mungkin berhak mendapat di-masa hadapan, jika Pegawai itu di-pilih, akan di-sifatkan sa-bagai chuti sebelum bersara.

Sa-saorang Pegawai yang menjadi chalun yang tidak terpilih boleh, dengan kebenaran Sultan dalam Majlis Meshuarat di-ambil berkhidmat semula dalam perkhidmatan Kerajaan sa-bagai mana biasa.

Sharikat Minyak Shell Menyokong Bulan Bahasa

SERIA — Pengarah Urus, Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Yang Berhormat Inche P.M. Linton telah mengeluarkan perintah kepada semua Ketua2 Pejabat Sharikat Minyak Shell itu, Ketua2 Bahagian dan semua pekerja Sharikat Minyak itu supaya menyokong sapenoh-nya pelaksanaan Bulan Bahasa dan menggunakan Bahasa Melayu dengan sa-luas2-nya dalam semua urusan.

Perintah tersebut yang di-tujukan terutama sa-kali kepada pekerja2 Sharikat Minyak itu yang bukan Melayu telah mengingatkan bahawa negeri ini adalah negeri Melayu dan bahasa rasminya adalah bahasa Melayu.

"Tujuan penting Bulan Bahasa Kebangsaan ini ia-lah supaya bahasa Melayu di-gunakan luas2-nya dalam segala bidang dan lapangan", kata-nya lagi.

Anggota2 Pejabat Pilehan Raya



Sa-bilangan daripada anggota2 Pejabat Pilehan Raya Negeri Brunei kelihatan dalam gambar ini sebak menjalankan tugas masing2 di-pejabat itu sa-belum menjelang pilehan raya yang pertama di-negeri ini.

PENERANGAN2 MENGENAI ISTILAH DI-KUALA BELAIT



Ahliz Jawatan Kuasa Bahagian Istilah, Bulan Bahasa Kebangsaan Sa-Negeri Brunei, dengan di-ketuai oleh Pengerusi-nya, Inche Jaya bin Abdul Latif telah melawat ka-Daerah2 Tutong dan Belait pada hari Thelatha 26 June, 1962 untuk memberi penerangan berhubung dengan perkara istilah. Gambar2 ini di-ambil di-K.B.R.C. Kuala Belait pada hari tersebut. Chegu Ibrahim bin Mohamed Sa'id kelihatan dalam gambar di-sabelah kiri mengemukakan satu so'alan di-majlis tersebut. Gambar di-sabelah kanan pula kelihatan Inche Jaya memberi penerangan berhubung dengan perkara istilah di-majlis tersebut. Ahliz Jawatan Kuasa Bahagian Istilah, Bulan Bahasa Kebangsaan Sa-Negeri Brunei yang kelihatan dalam gambar ini ia-lah dari kiri: Inche Roslee Teo Kim Yau, Inche Zain Ariff (Setia Usaha), Chegu Hamdani bin Abdul Rahman (Naib Pengerusi), Inche Jaya bin Abdul Latif (Pengerusi), Inche Edmund Keasberry dan Inche Mahmud bin Awang Damit. Ahliz Jawatan Kuasa tersebut yang tidak kelihatan dalam gambar ini ialah Inche B. Levick, Inche Awang Tengah Hassip, Inspector Abu Zar bin Abu Bakar, Inche Harith bin Judin, Chegu Md. Yassin bin Haji Ahmad, Chegu Ahmad Shah bin Imam Ahmad dan Inche I. Stephen. — BAHASA JIWA BANGSA.